

04 JAN 1997

Muhammad-Wang

ADIK TELAH JELASKAN SEGALANYA KEPADA KEPADA PM, KATA MUHAMMAD

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib berkata adiknya telah menjelaskan segala-galanya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kedudukan wang bernilai kira-kira RM2.5 juta, yang ditahan oleh pihak berkuasa Australia pada 22 Dis lepas.

Katanya, ia dijelaskan dalam surat yang disampaikan kepada Dr Mahathir bersama surat daripada beliau sendiri yang turut menceritakan segala-galanya mengenai kedudukan wang itu apabila beliau (Muhammad) berjumpa Perdana Menteri pada 28 Dis (Sabtu) lepas.

"Sebenarnya saya telah mengemukakan surat daripada adik saya itu kepada Perdana Menteri sewaktu saya mengunjungi Dr Mahathir pada hari Sabtu ... surat dari adik saya kepada Perdana Menteri menceritakan segala-galanya," katanya kepada pemberita ketika ditanya selepas merasmikan Seminar Ketamadunan Sains dan Teknologi Islam '97 di Universiti Malaya di sini.

Beliau ditanya mengapa adik beradiknya tidak memberi penjelasan bagi menyokong kenyataannya ketika beliau menjelaskan mengenai kedudukan wang itu.

Muhammad tidak menyatakan adik mana yang menulis surat penjelasan itu kepada Perdana Menteri.

Dalam penjelasannya pada persidangan berita awal minggu ini, Muhammad berkata, wang itu diamanahkan oleh abangnya Datuk Othman dan dua orang adiknya Haji Hassan dan Datuk Raduan untuk membeli harta di Gold Coast Brisbane.

Muhammad didakwa di mahkamah Australia dengan tuduhan tidak mengisytiharkan wang sejumlah RM2.5 juta ketika hendak keluar dari Lapangan Terbang Brisbane pada 22 lepas menuju ke New Zealand. Kes beliau akan didengar semula pada 21 Mac ini.

Ketika ditanya sama ada Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah berjumpa dengannya untuk menyoal siasat mengenai wang itu, beliau berkata: "saya ikut perintah, saya taat dan setia.

Ditanya lagi sama ada beliau akan menghubungi BPR dengan sendiri, beliau menjawab: "Saya taat setia, saya ikut perintah".

Muhammad juga meminta agar kes-kes lain yang tidak ada kaitan dengan kes beliau seperti kes dua bekas kakitangan Pejabat Menteri Besar Selangor yang sedang disiasat oleh BPR, tidak dikait dan dicantumkan seolah-olah menjadi satu cerita dengan kes beliau.

"Saya minta supaya berilah saya peluang membuat pembelaan saya di Australia," katanya.

Sambil merujuk laporan berita muka depan mengenai kes dua bekas kakitangan pejabatnya itu dalam sebuah akhbar semalam, beliau berkata: "Cerita macam ini kalau hari biasa ia mukasurat 18, tapi oleh kerana cerita saya tengah ada, maka dia menjadi mukasurat satu, walhal tak ada kaitan langsung (dengan kes beliau)."

Muhammad berkata Kerajaan Selangor melalui Exco, memang banyak memberi projek kepada ramai orang termasuk tanah bekas hutan atau tanah hutan kerana masalah ketiadaan tanah di negeri itu dan ia dibuat melalui proses biasa iaitu melalui kelulusan Exco Kerajaan Negeri.

"Saya antaranya yang paling banyak memberi tanah di Selangor ini. Saya boleh senaraikan semua sekali, saya ingat beratus-ratus orang dah jadi kaya di Selangor ini, beribu barangkali hasil daripada program dan rancangan pembangunan yang dibuat oleh kerajaan," katanya.

Beliau meminta supaya dibuktikan apa yang luar biasa mengenai laporan kes kedua-dua bekas kakitangan Pejabat Menteri Besar Selangor itu berhubung penukaran status tanah hutan di Bukit Sungai Putih, Hulu Langat itu.

Banyak bekas pegawai kerajaan yang berhenti daripada perkhidmatan kerajaan dan telah menjadi jutawan sekarang, ada juga pegawai yang pernah bekerja dengan Menteri atau Menteri Besar yang lain yang telah menjadi ahli perniagaan dan ia adalah perkara biasa.

Mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh pembangkang mengenai mengapa adik beradiknya memilih untuk membeli harta di Gold Coast dan tidak di tempat lain, beliau berkata ia adalah soal pilihan masing-masing.

-- BERNAMA

AFY AHH